

20 NOV 1998

FEER-GORE/I

MAJALAH SERANTAU BIDAS GORE KERANA KENYATAAN BIADAB

KUALA LUMPUR, 20 Nov (Bernama) -- Kenyataan biadab Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore awal minggu ini di Malaysia sekali lagi dibidas -- kali ini daripada Far Eastern Economic Review (FEER).

Di dalam rencana pengarang yang terkandung di dalam terbitannya 26 Nov, majalah serantau itu berkata ia tidak akan memajukan sesuatu jika para pemimpin Amerika bercakap dengan kuat atah mendapat fakta yang salah.

FEER juga mempertahankan bahawa rakyat Malaysia berdemokrasi, perkara utama di dalam ucapan jamuan makan Gore itu.

"...ini bukanlah satu negara di mana rakyat tidak boleh mengundi atau di mana (parti utama di dalam gabungan pemerintah) UMNO dijamin menang," katanya merujuk peristiwa apabila UMNO kalah pilihanraya kecil, di Pulau Pinang dipimpin oleh parti Cina Gerakan dan bukan UMNO, dan Kelantan diperintah oleh parti Islam PAS.

FEER berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bukan pemerintah kuku besi dan Malaysia bukanlah Indonesia.

"Kami mempunyai perbezaan pendapat dengan Dr Mahathir terhadap projek-projek, kehebatannya dan kami mempersoalkan kecekapan memperuntukkan modal, tetapi begitupun beliau bukan Suharto," katanya.

Majalah itu juga berkata ia hairan sama ada ucapan Gore adalah satu lagi contoh dasar luar pelarian pentadbiran Clinton, atau cuma satu ayat terbang Al Gore.

"Seperti ini daripada kempennya pada 1988: "Ikrar saya yang pertama ialah untuk mengembalikan maruah kepada Rumah Putih, dan saya akan pecat sesiapa yang berbohong kepada rakyat Amerika atau kongres Amerika Syarikat."

-- BERNAMA

SHY OS